

21/08/1998

Rakyat perlu sokong langkah drastik

KUALA LUMPUR, Khamis - Rakyat perlu menyokong langkah drastik yang akan diumumkan kerajaan bagi memulihkan ekonomi walaupun ia mungkin satu kejutan bagi rakyat asing, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, hanya dengan sokongan padu seluruh rakyat dapat memastikan perancangan itu benar-benar mencapai matlamat tanpa memerlukan bantuan kewangan asing.

Beliau menjelaskan, kerajaan terpaksa menimbang langkah tambahan, termasuk yang lebih drastik kerana ekonomi negara masih gawat akibat spekulasi mata wang sejak Julai tahun lalu.

Berucap merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) di sini hari ini, Dr Mahathir berkata walaupun langkah yang akan diumumkan nanti mungkin mengejutkan, ia bertujuan mengembalikan ekonomi ke arah yang betul.

"Dalam berdepan dengan masalah kegawatan ekonomi, bukan saja Malaysia, malahan negara lain seperti Hong Kong, Taiwan dan Russia juga sanggup mengambil tindakan serupa bagi mempertahankan ekonomi masing-masing," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) sedang mengkaji perkara itu dan beliau sendiri sudah memberi amaran kemungkinan tindakan itu akan mengejutkan rakyat.

"Saya harap sama ada terkejut atau tidak, semua rakyat akan memberi sokongan. Saya harap semua pihak sokong kerajaan untuk buat sesuatu yang luar biasa.. luar biasa bagi orang lain..tidak bagi kita," katanya.

Mengenai langkah kerajaan meneruskan projek infrastruktur yang diumumkan sebelum ini, Perdana Menteri berkata, ia bertujuan memberi peluang perniagaan kepada kontraktor dan pembekal.

"Kita akan meneruskan usaha untuk menolong syarikat termasuk kontraktor walaupun kita menghadapi masalah kegawatan," katanya.

Dr Mahathir berharap keputusan kerajaan itu mampu memberi nafas baru kepada 140 industri berkaitan sektor pembangunan dan pembinaan dalam negara.

(END)